

Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi - 20 markah
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/ Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Pendahuluan/Pengenalan [2 markah]

Petikan membincangkan cara-cara pemeliharaan alam sekitar.

Petikan membincangkan strategi-strategi dalam pemeliharaan alam sekitar.

Petikan membincangkan kaedah-kaedah dalam pemeliharaan alam sekitar.

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**Markah**

- | | |
|--|---|
| 1. Semua undang-undang berkaitan alam sekitar perlu dikuatkuasakan sepenuhnya dengan serta-merta. | 2 |
| 2. Pengurusan projek-projek pembangunan negara yang melibatkan alam sekitar perlulah dirancang dengan teliti. | 2 |
| 3. Manusia harus tahu mengawal kegiatan-kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh mereka. | 2 |
| 4. Semua industri mengolah air buangan untuk mengasingkan bahan pencemar ke paras yang selamat. | 2 |
| 5. Sisa toksik yang tidak boleh diolah perlu dibakar, dikitar semula atau dihapuskan dengan cara yang selamat. | 2 |
| (mesti ada sekurang-kurangnya 2 unsur, jika hanya 1 unsur sahaja berikan 1 markah sahaja) | |
| 6. Projek perumahan dan pemandaran perlu disertakan dengan pelan penanaman tumbuh-tumbuhan. | 2 |
| 7. Pihak berkuasa mesti mensyaratkan pemulihan kawasan hijau perlu dilaksanakan sebelum sesuatu projek pembangunan diluluskan. | 2 |
| 8. Kawasan hutan perlu dikekalkan. | 2 |
| 9. Pewartaan hutan simpan perlu diperbanyak. | 2 |

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

- | | |
|--|---|
| 1. Menjamin keadaan iklim yang baik | 2 |
| 2. Menjamin ekosistem yang seimbang | 2 |
| 3. Sebagai habitat flora dan fauna | 2 |
| 4. Membekalkan oksigen | 2 |
| 5. Menjamin kesihatan | 2 |
| 6. Mengelakkan bencana alam | 2 |
| 7. Sebagai khazanah berharga | 2 |
| 8. Sebagai faktor tarikan kemasukan pelancong ke negara kita | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

Semua pihak hendaklah bekerjasama dalam memelihara alam sekitar daripada kemusnahan agar kita dapat hidup dalam kesejahteraan.

2

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk pada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 – 20	9 – 10	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas
	15 – 17	7 – 9	- Tanda baca / ejaan betul
Sederhana	12 – 14	6 – 7	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan
	8 – 11	4 – 6	- Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota :

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada **120 perkataan**, **markah tidak dipotong**.

[Markah Bahasa, Maksimum : 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh **35** dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang sempurna/lengkap**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **tepat/betul**, berikan **seperuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap / kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2(a): Petikan Umum

Markah

(i) Maksud:

- menyebabkan / mengakibatkan / membawa kesan yang sangat memudaratkan / buruk

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Kesan:

- sistem respirasi diserang penyakit
- merosakkan habitat hidupan akuatik
- mengakibatkan kematian

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Peranan media massa:

- sentiasa menyiarkan iklan/rancangan/rencana tentang kepentingan alam sekitar
- membuat liputan meluas tentang gangguan alam sekitar
- menganjurkan pertandingan-pertandingan berkaitan pemeliharaan alam sekitar
- mengadakan kempen alam sekitar
- menaja pelbagai program alam sekitar

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(b): Petikan Drama**(i) Alasan:**

- untuk mengisi tenaga guru yang kurang
- terlalu banyak mahasiswa Melayu yang jadi MCS
- jawatan itu bagus
- jangan semua tenaga kerja dicurahkan pada satu lapangan sahaja
- pekerjaan guru lapangan yang kurang diperhatikan oleh mahasiswa
- mempunyai masa depan yang gemilang

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Wajar**

- Umar memang bercita-cita ingin menjadi guru.
- Umar ingin mendidik anak bangsa
- Umar ingin memajukan tanah air
- Pekerjaan sebagai guru ialah kerjaya yang mulia
- Mempertahankan prinsip / tegas

Tidak wajar

- Safiah tunangnya / menurut kata Safiah
- Umar berkecenderungan menjadi pegawai MCS
- Tugas guru boleh dilakukan oleh ramai orang/ orang lain
- Menjaga hati / hubungan / perasaan / keharmonian dengan keluarga Safiah

[Maksimum: 3 markah]**(iii) Satu perwatakan Safiah dalam petikan**

- Penyayang - Safiah sayang akan tunangnya Umar / sanggup mengikut Umar ke mana-mana sahaja dia pergi.

Satu perwatakan Safiah daripada drama

- Manja – Safiah merajuk apabila Umar lambat datang ke rumahnya.
- Bertolak ansur – Safiah menerima pendapat Umar untuk menjadi guru
- Berbudi bahasa – Safiah melayan ayah Umar dengan sopan

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(c): Petikan Prosa Klasik

(i) Maksud:

- akan saya sampaikan/ceritakan/khabarkan/perikan/beritahu/maklumkan

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Tun Mamat ialah:

- orang Melaka
- utusan Sultan Melaka untuk meminang Puteri Gunung Ledang
- orang yang disuruh oleh Laksamana dan Sang Setia naik ke Gunung Ledang / orang suruhan Laksamana dan Sang Setia

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Sebab-sebab

- Sultan Mahmud ingin menunjukkan kehebatan baginda / kekuasaan baginda / kedaulatan baginda
- Puteri Gunung Ledang mempunyai rupa paras yang cantik
- Puteri Gunung Ledang amat terkenal/sering diperkatakan orang
- Sultan Mahmud inginkan kelainan berbanding dengan permaisuri baginda yang terdahulu
- Salah satu cara untuk meluaskan kawasan pemerintahan baginda

[Maksimum: 3 markah]**Soalan 2(d): Puisi Tradisional**

(i) Maksud ungkapan:

- barang yang lama jangan dibuang kerana masih boleh digunakan

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Sebab-sebab

- supaya mudah diterima oleh orang tempatan
- dihormati/disanjung/dimuliakan/dipercayai oleh orang lain
- tidak dianggap sombong/ angkuh
- mudah mendapat pertolongan/bantuan orang lain
- dituntut oleh agama / sifat mulia

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Pengajaran

- Kita haruslah berjimat cermat untuk mengelakkan pembaziran.
- Kita janganlah bersikap merendah diri yang keterlaluan semasa di perantauan.
- Kita hendaklah berusaha dengan gigih untuk mencapai kejayaan.
- Kita janganlah mengharapkan sesuatu yang belum pasti.
- Kita janganlah takbur dengan kebolehan yang kita miliki.
- Kita hendaklah bersikap yakin dan berjiwa besar.

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- Soalan 3 (a) : 6 markah
- Soalan 3 (b) : 6 markah
- Soalan 3 (c) : 6 markah
- Soalan 3 (d) : 6 markah
- Soalan 3 (e) : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah

- 3 (a) (i) reka bentuk - struktur/ aspek-aspek dalam suatu binaan/ rancangan
- (ii) rukun tetangga - persatuan antara orang yang berjiran
- (iii) rumah tangga - perihal rumah dan kehidupan dalam rumah
- (iv) temu duga - tanya jawab antara majikan dengan pemohon kerja
- (v) ulang kaji - kajian semula
- (vi) urus setia - pejabat yang bertanggungjawab tentang kerja-kerja kesetiausahaan/ kakitangan pejabat urus setia/ bangunan tempat pejabat urus setia ditempatkan

[Maksimum: 6 markah]

- 3(b) (i) Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)
- (ii) Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS)
- (iii) Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)
- (iv) Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)
- (v) Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)
- (vi) Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)

[Maksimum: 6 markah]

- 3(c) (i) kaki tangan - kakitangan
memaju - memajukan
- (ii) lebihan - kelebihan
masarakat - masyarakat
- (iii) membendong - membendung
membelanja - berbelanja

[Maksimum: 6 markah]

- 3(d) (i) otak - minda / fikiran / idea
di dalam - dalam
- (ii) saling hormat-menghormati - saling menghormati/
hormat-menghormati
penyatuan - perpaduan
- (iii) lain-lain cadangan - cadangan-cadangan lain
penuntun - penonton

[Maksimum: 6 markah]

- 3(e) (i) Melentur buluh, biarlah dari rebungunya
(ii) Biar putih tulang, jangan putih mata
(iii) Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat /
Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Berikan **1 markah** untuk **1 latar masa**
(iv) Berikan **1 markah** untuk **huraian**
(v) Latar tanpa huraian maksimum 2 markah.
(vi) Huraian tanpa latar beri 0 markah.
(vii) Markah isi **maksimum 4 markah**
(viii) Markah **bahasa maksimum 3 markah**
(ix) Markah bahasa diberi secara 'impression'
Baik = 3 markah
Sederhana = 2 markah
Lemah = 1 markah
(x) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan satu markah untuk bahasa.
(xi) Calon tidak menjawab 0 markah
- (b) (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
(iii) Berikan **1 markah** untuk **1 peristiwa**
(iv) Berikan **2 markah** untuk **2 huraian**
(v) Huraian tanpa peristiwa beri 0 markah
(vi) Markah isi **maksimum 6 markah**
(vii) Markah **bahasa maksimum 2 markah**
(viii) Markah bahasa diberikan secara 'impression'
Baik = 2 markah
Lemah = 1 markah
(x) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
(xi) Calon tidak menjawab 0 markah

Novel Di hadapan Pulau Karya A. Samad Said.**4 (a) LATAR MASA**

1. Pada zaman sebelum merdeka atau pada zaman pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu.

Contohnya:

Tentera Jepun menggugurkan bom menyebabkan penduduk kampung menyembunyikan diri ke dalam shelter.

2. Pada waktu petang

Contohnya, Aziz duduk merenung laut pada waktu itu.

3. Pada waktu malam.

Contohnya, Joyah menghadapi malam tanpa dibenarkan menggunakan pelita.

4. Pada waktu pagi.

Contohnya, Aziz mengunjungi Syed Fikri pada waktu pagi.

Novel Putera Gunung Tahan karya Ishak Haji Muhammad

Latar masa

1. Zaman sebelum Perang Dunia Kedua / zaman sebelum kemerdekaan / zaman pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu.

Contohnya, Tuan William dan Tuan Robert mendaki Gunung Tahan untuk mencari tapak peranginan bagi orang-orang Inggeris.

2. Pada tahun 1926.

Contohnya, berlaku banjir besar atau bah.

3. Waktu petang

Contohnya, Tuan William keluar dari dalam gua untuk mencari sahabatnya Tuan Robert

4. Waktu pagi

Contohnya, Tuan William mengikut jejak Tuan Robert dan cuba menjejaki sahabatnya.

5. Waktu malam

Contohnya, Tuan Robert telah dikurung di perkampungan Orang Sakai tetapi tidak diapa-apakan.

Nota

Contoh-contoh latar masa yang lain boleh diterima.

4 (b) PERISTIWA DAN ALASAN**Di Hadapan Pulau****Peristiwa:**

1. Aziz termenung di tepi pantai yang berhadapan dengan sebuah pulau dan teringat cerita-cerita yang didengari daripada kawan-kawannya tentang misteri pulau tersebut / Tuk Marzuki memujuk Aziz dan berjanji bahawa dia akan membawa Aziz ke pulau tersebut.

Alasan untuk terus membaca novel:

- ingin mengetahui kebenaran tentang cerita pulau tersebut
- ingin mengetahui sama ada Aziz berjaya pergi ke pulau atau tidak.
- ingin mengetahui kisah hidup Aziz yang seterusnya.
- Untuk mengetahui sama ada Tuk Marzuki menepati janji atau tidak.

Putera Gunung Tahan**Peristiwa:**

1. Pergolakan yang berlaku di negeri Pahang ketika Inggeris ingin meluaskan kuasanya di sana.

Alasan untuk terus membaca novel

- ingin mengetahui apa tindakan pejuang-pejuang negeri Pahang untuk menyelamatkan negeri Pahang.
- untuk mengetahui kesudahan cerita

2. Peristiwa seorang anak raja melarikan diri ke dalam hutan.

Alasan untuk terus membaca novel:

- ingin mengetahui siapa anak raja tersebut.
- ingin mengetahui apa yang akan berlaku kepada anak raja tersebut.

3. Pengarang ada menyatakan tentang pelbagai peristiwa yang ajaib dalam novel tersebut.

Alasan untuk terus membaca novel

- untuk mengetahui apakah peristiwa-peristiwa yang ajaib tersebut.
- tujuan pengarang mengadakan / mencipta peristiwa-peristiwa itu.